

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT-SETIA KEPADA KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG
SEMPENA HARI KEPUTERAAN RASMI BAGINDA

TEMPAT: ISTANA NEGARA

TARIKH: 02 JUN 1982

MASA:

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni
Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam
Shah, D.K.M., Yang Di Pertuan Agong,
Ampun Tuanku.

diri patek sendiri serta bagi pihak Kerajaan dan rakyat
kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Hari
Keputeraan Rasmi Baginda Tuanku pada hari ini.

2. Patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala
semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmatNya Kebawah
Duli Tuanku serta Baginda Raja Permaisuri Agong. Patek
sekalian juga berdoa semoga Baginda Tuanku berdua sentiasa
berada di dalam keadaan sihat wal'afiat serta kekal
memerintah dan berkhidmat dalam jawatan yang tertinggi di
Persekutuan ini dengan bertambah-tambah daulat dan
kemuliaannya.

Ampun Tuanku.

3. Suasana ekonomi dunia masih mengalami kemerosotan dan
mengancam kemajuan banyak negara, khususnya negara-negara
membangun. Walaupun negara kita telah mengambil
tindakan-tindakan yang tegas bagi mengurangkan kesan
kemerosotan ekonomi dunia ini, namun demikian dalam hubungan
ekonomi antarabangsa moden kita tidak dapat mengelakkan diri
daripada pengaruh kemerosotan ini.

4. Keadaan ini telah menjadi lebih genting lagi dengan
sikap kurang simpati dan kejujuran setengah-setengah negara
maju terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia
ketika ini. Memandangkan kepada hakikat ini, kita terpaksa
mengkaji semula keutamaan program-program dan projek-projek
di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Tujuannya ialah bagi
membolehkan kita memelihara ekonomi negara dan mengurangkan
kesan-kesan yang buruk kepadanya. Walau bagaimanapun
Kerajaan akan terus memberi perhatian dan keutamaan kepada
program-program dan projek-projek yang dapat memberi faedah
kepada rakyat.

5. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sedang memberi

keutamaan kepada semua usaha yang dapat meningkatkan daya pengeluaran sebagai satu dari usaha-usaha memulihkan ekonomi negara. Tindakan-tindakan tertentu sedang diambil ke arah mewujudkan satu etika kerja yang mementingkan disiplin dan kesungguhan bekerja di kalangan semua rakyat. Insyaallah, dengan penglibatan semua pihak, lebih-lebih lagi penglibatan rakyat biasa, usaha-usaha kita ini akan mencapai kejayaan.

6. Patek sekalian yakin bahawa di bawah naungan Tuanku, negara Malaysia akan terus berada di dalam suasana aman, sejahtera dan makmur. Patek sekalian juga yakin bahawa dengan pimpinan Tuanku taraf kehidupan rakyat akan meningkat dan perpaduan serta ketahanan di kalangan mereka akan menjadi bertambah kukuh. Patek bersama-sama dengan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri serta sekalian pegawai dan kakitangan Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih giat lagi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab patek sekalian dengan bersih, cekap dan amanah.

7. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, patek bagi pihak diri patek sendiri dan bagi pihak Kerajaan dan rakyat sekalian dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku.

Sekian, sembah patek harap diampun.